

**SOALAN NO. 29****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]**

**TARIKH : 8 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan M Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) mengapakah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 masih tidak lagi dikuatkuasakan walaupun telah menerima Perkenan Diraja; dan
- (b) berapa bilangan orang yang dikenakan hukuman mati mandatori semenjak Akta Pindaan tersebut diluluskan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [Akta A1558] akan dikuatkuasakan dalam masa terdekat apabila tatacara dan garis panduan untuk kegunaan agensi-agensi penguat kuasa dimuktamadkan bagi memastikan pelaksanaannya berkesan dan saksama.

Buat masa ini, Mahkamah menjatuhkan hukuman mati mandatori sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 yang berkuat kuasa pada masa ini. Walau bagaimanapun, setelah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 berkuat kuasa dalam masa terdekat, Mahkamah akan mempunyai kuasa budi bicara dalam menjatuhkan hukuman mati bagi kesalahan pengedaran dadah.

Sekian, terima kasih.